

Pembukaan Jajaran Hutan  
Melintang - Teluk Intan,  
Seksyen 8 WCE

Perlepasan Kontinjen  
Negara Ke WSC Kazan,  
Rusia

Pelancaran Dasar  
Perumahan Mampu Milik  
Negara disokong IBS, BIM

MEI - OGOS 2019

# BINA

02

KEMENTERIAN KERJA RAYA



**OPERASI PENGUATKUASAAN  
BERSEPADU**

**KKR DAN CIDB SERIUS ISU  
PEMATUHAN KESELAMATAN  
TAPAK BINA**

ISSN 2600-8610



9 772600 861008

[www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my)

## BERITA

- Operasi Penguatkuasaan Bersepadu Tapak Bina – CIDB 03
- Persidangan APEC, Delegasi KKR Jalin Hubungan Diplomatik Malaysia-Chile 04
- Lawatan Teknikal Ke Metro De Santiago – Rangkaian Keretapi Chile 04
- Pembukaan Jajaran Hutan Melintang - Teluk Intan, Seksyen 8 WCE 05
- Persidangan Konsesi Lebuhraya (HCC) 2019 06
- MoU Tingkat Keselamatan Operasi dan Penyelenggaraan Lebuhraya 06
- Pelancaran Dasar Perumahan Mampu Milik Negara Disokong IBS, BIM 07



- ARCHIDEX 2019 – Gerbang Perdagangan Seni Bina Asia Tenggara 07
- Lawatan Kerja Rasmi Timbalan Menteri Ke Kelantan 08
- Tinjauan Operasi Lebuhraya SMART 09
- Perlepasan Kontinjen Negara Ke WSC Kazan, Rusia 09
- Pertandingan Kemahiran Dunia - *World Skills Competition (WSC)* 10-11

Lensa 12-17

MEDIA SOSIAL 18-19



## OPERASI PENGUATKUASAAN BERSEPADU TAPAK BINA – CIDB

**PUTRAJAYA, 25 JUN 2019** – Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah mengatur satu Operasi Penguatkuasaan Bersepadu (OPB) tapak pembinaan yang turut disertai Menteri Kerja Raya, YB Tuan Baru Bian dan Ketua Eksekutif CIDB, YBhg. Dato' Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid. Operasi ini dilakukan di satu lokasi tapak pembinaan bertempat di Presint 12, Putrajaya.

KKR memandang serius isu pematuhan keselamatan tapak bina dan OPB ini dijalankan bertujuan untuk membuat pemantauan dan penguatkuasaan terhadap Akta 520 CIDB. Untuk rekod, sepanjang tahun 2018, sebanyak 30 OPB telah dilaksanakan CIDB dan didapati seramai 16,748 orang tidak berdaftar dengan CIDB.

Agensi dan organisasi yang turut serta dalam OPB ini ialah CIDB Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Ibu Pejabat, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Kesihatan, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Perbadanan Putrajaya dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan keseluruhan anggota seramai 118 orang.





## PERSIDANGAN APEC DELEGASI KKR JALIN HUBUNGAN DIPLOMATIK MALAYSIA-CHILE

**SANTIAGO, CHILE, 13 OGOS 2019** - Delegasi Kementerian Kerja Raya yang diketuai oleh Menteri, YB Baru Bian telah hadir ke Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang berlangsung selama dua hari iaitu 14-15 Ogos 2019 di Santiago, Chile. Tema persidangan ini ialah 'From Latin America to APEC: Reality and Challenges for a Quality Infrastructure Through PPP's'.

Pada Persidangan APEC tersebut, YB Baru Bian telah menyertai sesi meja bulat bertajuk: *Promoting Private Investment in Quality, Sustainable and Resilient Infrastructure* pada 13 Ogos, manakala pada keesokan harinya, sesi meja bulat dengan tajuk: *Quality Infrastructure for the Regional Development of Logistics*.

YB Baru Bian juga berkesempatan mengadakan kunjungan hormat ke atas Menteri Kerja Raya Chile, Mr Alfredo Moreno. Para delegasi persidangan kemudian dibawa ke satu Lawatan Teknikal di Gran Torre Santiago (Great Santiago Tower).

## LAWATAN TEKNIKAL KE METRO DE SANTIAGO – RANGKAIAN KERETAPI CHILE

**SANTIAGO, CHILE, 16 OGOS 2019** - YB Baru Bian, Menteri Kerja Raya dan delegasi APEC mengadakan Lawatan Teknikal ke Metro De Santiago, Chile. Metro De Santiago adalah rangkaian transit yang pesat merentasi kota Santiago, Chile dan merupakan rangkaian keretapi ke-7 laju di dunia dan kini mempunyai tujuh landasan, 136 stesen, dengan jumlah panjang sejauh 140 kilometer dan merupakan sistem keretapi yang pertama di Chile. YB Menteri dan delegasi disambut oleh Presiden Metro De Santiago, Mr Louis De Grange Concha.





## PEMBUKAAN JAJARAN HUTAN MELINTANG - TELUK INTAN, SEKSYEN 8 WCE

**TELUK INTAN, 31 MEI 2019** - Jajaran Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE) Seksyen 8 dari Persimpangan Hutan Melintang ke Persimpangan Teluk Intan, di Perak dibuka secara rasmi oleh Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Tuan Haji Mohd Anuar Bin Mohd Tahir. Bayaran tol masih belum dikenakan buat masa ini.

Pembukaan ini akan memberi manfaat kepada pengguna, memacu aktiviti dan pertumbuhan ekonomi di sekitar kawasan berkenaan. Seksyen 8 ini adalah sebahagian daripada keseluruhan 12 Seksyen Lebuhraya WCE, (7 Seksyen di Selangor dan 5 Seksyen di Perak). Jajaran Seksyen 8 yang direkabentuk sebagai laluan 2 lorong 2 hala sepanjang 18 kilometer bakal menjadi laluan pintasan kepada penduduk tempatan sekitar Sabak Bernam, Selangor, Bagan Datok, Hutan Melintang, Teluk Intan dan Sitiawan, Perak.

Jajaran ini dapat memendekkan masa perjalanan dengan anggaran 11 minit berbanding penggunaan laluan FT 005. Terdapat kemudahan awam disediakan seperti surau dan bilik air yang terletak bersebelahan Plaza Tol Hutan Melintang dan Plaza Tol Teluk Intan. Apabila siap sepenuhnya nanti, Lebuhraya WCE bakal menjadi satu sistem penyuraian trafik dan menjadi laluan alternatif kepada Lebuhraya Utara Selatan (PLUS), terutama ketika musim perayaan bagi perjalanan dari Lembah Klang menuju ke utara Semenanjung dan sebaliknya.



PLAZA TOL  
HUTAN MELINTANG  
1 km



## PERSIDANGAN KONSESI LEBUHRAYA (HCC) 2019

**PULAU PINANG, 15 JULAI 2019**

Persidangan Konsesi Lebuhraya (Highway Concession Conference, HCC) 2019 telah berjaya menarik minat 300 penyertaan daripada pemain industri lebuhraya dari dalam dan luar Negara bagi berkongsi aspirasi, pengalaman dan idea terhadap isu berkaitan aspek kewangan, operasi dan penyenggaraan lebuhraya. Ini penting dalam memberikan kepuasan dan keselesaan pemanduan maksima kepada para pengguna lebuhraya.

Program HCC 2019 berlangsung dari 15 hingga 17 Julai 2019 bertempat di Hotel Lexis Suite, Pulau Pinang dan dirasmikan oleh YB Tuan Baru Bian, Menteri Kerja Raya. Persidangan ini merupakan anjuran kali kedua Kementerian Kerja Raya (KKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), dengan kerjasama Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM).

Pada persidangan ini, LLM juga telah memberi pengiktirafan dan penganugerahan kepada projek-projek pendigitalan inovatif lebuhraya menerusi penyampaian Anugerah Highway Digitalization Excellence Award (HDEA). Tiga kriteria yang diambil kira dalam penilaian Anugerah HDEA ialah kebolehpasaran, keselamatan dan keselesaan pengguna lebuhraya bertol.



## ▲ MoU TINGKAT KESELAMATAN OPERASI DAN PENYENGGARAAN LEBUHRAYA

**KUALA LUMPUR, 18 JUN 2019**

Keselamatan pengguna lebuhraya terus diberi perhatian melalui satu Perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) antara tiga pihak iaitu Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan UEM Edgenta Berhad (UEM Edgenta) yang telah diadakan di UEM Edgenta Learning Centre, Petaling Jaya.

MoU yang disaksikan oleh YB Tuan Baru Bian, Menteri Kerja Raya ini mengandungi piawai keselamatan yang memfokuskan kepada keselamatan pekerja penyenggaraan, kawasan penyenggaraan serta pengguna lebuhraya. Turut dilancarkan pada majlis tersebut adalah kenderaan mekanikal penyenggaraan lebuhraya seperti pemotong rumput dan pembersih jalan mekanikal yang diusahakan oleh Edgenta Infrastructure Services.



## PELANCARAN DASAR PERUMAHAN MAMPU MILIK NEGARA DISOKONG IBS, BIM

**SHAH ALAM, 11 MEI 2019** - Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan *Construction Research Institute Malaysia* (CREAM) telah bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Jabatan Perumahan Negara (JPN) melancarkan Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM).

Sejajar dengan dasar dan halatuju Kerajaan bagi membina 1 Juta Rumah Mampu Milik (RMM) antara 2018 sehingga 2028 seperti yang diumumkan oleh Majlis Perumahan Mampu Milik Negara, transformasi ini disokong dengan penggunaan teknologi dan kaedah-kaedah baharu seperti Sistem Binaan Berindustri (IBS), *Building Information Modelling* (BIM) dan *Big Data*.

DRMM dilancarkan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Zuraida Kamaruddin di Elmina Centrel Park yang turut dihadiri Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Mohd. Anuar Mohd. Tahir. Standard Perumahan Kebangsaan atau ringkasnya CIS26 merupakan kemaskini daripada Standard Perumahan Kebangsaan yang telah diterbitkan pada tahun 1998 dan 2005.



## ARCHIDEX 2019 – GERBANG PERDAGANGAN SENI BINA ASIA TENGGARA

**KUALA LUMPUR, 3 JULAI 2019** - Pameran Antarabangsa Arkitek, Rekaan Dalaman dan Bangunan (ARCHIDEX 2019), menerima lebih 450,000 pengunjung, 6,500 pempamer tempatan dan antarabangsa serta mencatatkan hampir RM10 bilion transaksi perniagaan. Sebanyak 10 dewan pameran disediakan membabitkan 600 syarikat pempamer dari 20 negara.



ARCHIDEX 2019 merupakan tahun ke-20 penganjuran pameran yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dan telah dirasmikan oleh Menteri Kerja Raya, YB Baru Bian. ARCHIDEX 2019 merupakan anjuran bersama C.I.S Network Sdn Bhd (C.I.S) dan Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) bermula 3 hingga 6 Julai 2019. Ia turut dikenali sebagai gerbang seni bina Asia Tenggara di rantau ini.



# LAWATAN KERJA RASMI TIMBALAN MENTERI KE KELANTAN

**KOTA BHARU, 1 OGOS 2019** - Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Tuan Haji Mohd Anuar Mohd Tahir mengadakan Lawatan Kerja Rasmi Ke Negeri Kelantan Darul Naim yang dimulakan dengan lawatan ke Ibu pejabat Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan. Delegasi disambut oleh Pengarah Kerja Raya Negeri Kelantan, YBhg. Dato' Ir. Haji Razani Ab. Lazid bersama para pegawai dan kakitangan JKR Kelantan.

Siri lawatan diteruskan ke Tapak Projek Pembinaan Ibu pejabat baharu Polis Daerah Pasir Mas yang melibatkan pembinaan Blok Pentadbiran, Blok Cawangan Kenderaan, Dewan Serbaguna, Stor Barang Kes, Stor Peluru, Surau dan Kuarters Kelas 'F', Taska serta bangunan Perkep. Ia dijangka siap sepenuhnya pada September 2019 dan melibatkan kos sebanyak RM60 juta dan dikendalikan oleh kontraktor Mansashi Sdn. Bhd.

Timbalan Menteri kemudian melawat Unit JKR KESEDAR yang memberikan kepakaran teknikal dan khidmat perunding kepada Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) sebelum mengakhiri siri lawatan ke tapak projek Pembinaan Persimpangan Bertingkat T (Elevated T-Junction) berhampiran Stesyen Keretapi Tanah Merah.





## TINJAUAN OPERASI LEBUHRAYA SMART

**KUALA LUMPUR, 01 OGOS 2019** -

Menteri Kerja Raya, YB Tuan Baru Bian turun padang melihat Sistem Pengurusan Air Banjir dan Terowong (SMART) bertempat di Pejabat Operasi Lebuhraya SMART, Cheras. Beliau diberikan taklimat oleh wakil daripada Lebuhraya SMART seterusnya merasmikan Bangunan Depoh Penyelenggaraan Baharu Lebuhraya SMART.



## PERLEPASAN KONTINJEN NEGARA KE WSC KAZAN, RUSIA



**SEPANG, 18 OGOS 2019** - YB Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Haji Mohd Anuar Mohd Tahir hadir ke Majlis Perlepasan Kontinjen Negara ke Pertandingan Kemahiran Dunia (Worldskills Competition) WSC Kazan Rusia 2019 bertempat di Aras 3 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

Majlis dirasmikan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia, YB Dato' Mahfuz Omar. Malaysia telah menyertai WSC sejak tahun 1993. WSC Kazan 2019 merupakan

permainan ke-45 yang akan diadakan di Kazan, Rusia dari 22 hingga 28 Ogos 2019.

Pertandingan ini melibatkan penyertaan dari 63 buah negara yang bakal bertanding dalam 56 bidang kemahiran. Malaysia akan menyertai 19 bidang kemahiran peringkat belia dan 3 bidang kemahiran peringkat junior. Daripada 19 buah bidang kemahiran, 8 bidang diurusetikan oleh Kementerian Kerja Raya.

# PERTANDINGAN KEMAHIRAN DUNIA - WORLD SKILLS COMPETITION (WSC)

## LATARBELAKANG

Malaysia telah menyertai *World Skills Competition (WSC)* sejak tahun 1993. Pertandingan kemahiran yang dianjurkan setiap dua tahun sekali ini merupakan program bagi mengeratkan hubungan kerjasama antara negara anggota dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran dan kompetensi belia dan pekerja yang bertaraf dunia. Bagi setiap bidang yang dipertandingkan, peserta haruslah berumur 22 tahun dan ke bawah dan tidak melebihi 25 tahun bagi bidang *Information Network Cabling, Mechatronics, Manufacturing Team Challenge* dan *Aircraft Maintenance*.


*World Skills Competition (WSC)* Kazan 2019 merupakan penganjuran ke-45 yang akan diadakan di Kazan, Rusia dari 22 hingga 28 Ogos 2019. Pertandingan ini melibatkan penyertaan dari 63 buah negara yang bakal bertanding dalam 56 bidang kemahiran. Malaysia akan menyertai 19 bidang Kemahiran peringkat belia dan 3 bidang kemahiran peringkat junior. Kontinjen Malaysia akan diketuai oleh YB Dato' Mahfuz bin Omar, Timbalan Menteri Sumber Manusia dan YB Tuan Haji Mohd Anuar Bin Mohd. Tahir, Timbalan Menteri Kerja Raya sebagai Timbalan Ketua Kontinjen.



## OBJEKTIF PENGANJURAN

- i. mengeratkan kerjasama di antara pihak kerajaan, industri dan agensi latihan bagi 63 negara yang mengambil bahagian melalui pertukaran teknologi dan amalan terbaik bagi proses pembuatan dan perkhidmatan di institusi latihan negara masing-masing;
- ii. menggalakkan pembangunan kemahiran teknikal dan vokasional di kalangan belia dan pekerja mahir;
- iii. memupuk kerjasama dalam pendidikan teknikal dan latihan vokasional yang berkualiti dan selaras dengan perubahan teknologi semasa; dan
- iv. mengukur tahap kompetensi belia yang bertanding serta dapat dijadikan penanda aras sistem latihan teknikal dan latihan vokasional negara.





**BIDANG  
KEMAHIRAN**

8 bidang kemahiran diurusetiaikan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR)

- i. Bricklaying
- ii. Electrical Installations
- iii. Joinery
- iv. Mechanical Engineering Design - CADD
- v. Painting and Decorating
- vi. Refrigeration and Air Conditioning
- vii. Wall and Tilling
- viii. Welding

**PESERTA DAN TENAGA PAKAR WSC 2019 – BIDANG KKR**

**BRICKLAYING**

(EXPERT)



**NOR AZHAR BIN  
MOHD LAZIM**

(PARTICIPANT)



**MUHAMMAD AMIERUL  
ALIFF BIN ABD. AZIZ**

**JOINERY**

(EXPERT)



**SAIFOL AZRI BIN  
MOHAMAD**

(PARTICIPANT)



**MUHAMMAD YUSRI  
AIMAN BIN NASIR**

**WELDING**

(EXPERT)



**MOHAMAD DARUS  
BIN TAIB**

(PARTICIPANT)



**MOHAMAD AMIROL AMIN  
BIN MOHAMAD ZAMRI**

**WALL AND TILLING**

(EXPERT)



**ZULKHAIREE BIN  
OTHMAN**

(PARTICIPANT)



**CHE WAN MOHAMAD AMIERWAN  
BIN CHE WAN MD. AMIN**

**ELECTRICAL INSTALLATION**

(EXPERT)



**HJ. ZAKARIA BIN  
ISMAIL**

(PARTICIPANT)



**AMIR SYAZWAN  
BIN SARIDAN**

**MECHANICAL ENG. DESIGN (CAD)**

(EXPERT)



**JUNITA BINTI  
MOHD SAID**

(PARTICIPANT)



**MEGAT MUHAMMAD  
NURHAN BIN MUNIR**

**REFRIGERATION & AIR CONDITIONING**

(EXPERT)



**MOHD ZAKI BIN  
MOHAMED**

(PARTICIPANT)



**HAZIQ FAUZI  
ABDUL JALIL**

Majlis Sungkei yang bermaksud iftar atau berbuka puasa dalam bahasa Sarawak antara Menteri Kerja Raya, YB Tuan Baru Bian bersama rakan media dalam mengukuhkan kerjasama dan jalinan mesra antara dua pihak.

BILIK TANJUNG,  
KOMPLEKS KERJA RAYA



27 MEI 2019



Program Berkongsi Barakah Ramadhan #LPTdihati dihadiri Timbalan Menteri Kerja Raya merangkap Ahli Parlimen Temerloh, YB Tuan Haji Mohd Anuar Mohd Tahir meraikan 65 orang pelajar dari Rumah Ngaji Barokah; Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim dan Miskin Nur Iman; dan Pertubuhan Anak-Anak Yatim dan Kebajikan Darul Izzah dari Kawasan Parlimen Temerloh.



KAWASAN REHAT & RAWAT  
TEMERLOH (HALA TIMUR),  
LEBUHRAYA PANTAI TIMUR FASA 1  
(LPT 1)



24 MEI 2019





Kempen Advokasi Keselamatan Lebuhraya menjelang Hari Raya Aidilfitri 2019 anjuran Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) dengan sokongan KKR, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM), dilancarkan YB Baru Bian, Menteri Kerja Raya bertujuan memberi kesedaran pemanduan berhempah kepada pengguna lebuhraya.



LEBUHRAYA GRAND SEPADU



28 MEI 2019



JKR Malaysia dengan kerjasama Syarikat Konsesi Penyenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia mengadakan acara *Coffee Break* dalam usaha membantu mengurangkan kadar kemalangan jalan raya terutama di musim perayaan. Ia dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Mohd Anuar Mohd Tahir.

PETRONAS JALAN TRAS  
BATU 1, BENTONG



30 MEI 2019



Sesi perjumpaan Menteri Kerja Raya bersama-sama warga Kementerian Kerja Raya telah diadakan bersempena sambutan Hari Raya Aidilfitri dihadiri lebih 3,500 tetamu bagi menyemarakkan semangat Muhibbah dan harmoni dalam kalangan warga.

PUSAT KONVENSYEN CIDB



1 JULAI 2019



Kempen Jom Ubah – Hindar Penggunaan Plastik Sekali Guna Peringkat KKR diadakan untuk memberi kesedaran dan perubahan minda kepada seluruh warga Kementerian mengenai kepentingan mengurangkan penggunaan produk biodegradasi selaras Malaysia's Road Map Towards Zero Single-Use Plastics, 2018-2030.



KAFETERIA ARAS 4,  
KOMPLEKS KERJA RAYA.



18 JUN 2019





Majlis suai kenal Ahli Lembaga dan Ahli-ahli Jawatankuasa Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) yang baharu dilantik dan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Program Pendaftaran Berkelompok di antara Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman, Kolej Universiti Teknologi Sarawak dan Segi College, disaksikan Menteri Kerja Raya.



HOTEL PRIMIERA, KUALA LUMPUR



24 JUN 2019



Lawatan kerja Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Tuan Haji Mohd Anuar Mohd Tahir ke Cawangan Kejuruteraan Geoteknik (CKG), JKR Malaysia yang memberi khidmat pakar serta perundingan teknikal dalam bidang geoteknikal dengan tumpuan kepada kualiti, kos dan masa.

MENARA PJD JALAN TUN RAZAK, KUALA LUMPUR



19 OGOS 2019



Program Ziarah Merdeka 2019 bersama Timbalan Menteri Kerja Raya, disertai konvoi bermotosikal dari 'KKR Club Ride' dan 'Rakan Ride Temerloh' menyantuni warga yang kurang bernasib baik dan turut menyampaikan bantuan barangan keperluan asas sekitar Temerloh dan Lanchang, Pahang bersempena sambutan bulan Kemerdekaan.

TEMERLOH, PAHANG



17 OGOS 2019



Program Ride Amal KKR 1.0 anjuran Kelab Sukan Dan Kebajikan Kementerian Kerja Raya (KSKKKR) dan Surau KKR dari Kuala Lumpur ke Lumut, Perak Darul Ridzuan melibatkan destinasi ke Kompleks Pendidikan Manabi'ul Ulum, Lekir dan Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat Addin 12, Ayer Tawar bagi menyampaikan sumbangan. Konvoi diketuai oleh YBhg. Dato' Zahrul Hakim Bin Abdullah, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan Dan Penswastaan merangkap Pengerusi Surau KKR.



LUMUT, PERAK



20 JULAI 2019







Lawatan kerja rasmi Ketua Setiausaha KKR, YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin Syed Ikhshan ke Plus Malaysia Berhad (PLUS), meninjau operasi Traffic Monitoring Centre (TMC) dan lawatan ke Hentian Rehat dan Rawat Rawang Arah Utara yang baru siap dibaikpulih serta dinaiktaraf kemudahan serta fasilitinya.



PERSADA PLUS, PETALING JAYA



15 OGOS 2019



Sesi Penyerahan Cek oleh wakil Tenaga Nasional Berhad (TNB) kepada Kementerian Kerja Raya (KKR) bagi bayaran balik kos pengalihan dan pemasangan utiliti elektrik 33kV dan 11kV untuk Projek Central Spine Road, Seksyen 3E2 dari Merapoh ke Kg. Kubang Rusa, Pahang.

BILIK MESYUARAT DAHLIA,  
KOMPLEKS KERJA RAYA.



22 JULAI 2019





Tweets  
**123**  
Profile visits  
**4,680**  
New followers  
**285**

Tweet impressions  
**275K**  
Mentions  
**947**

**Analytics** Home Tweets Audiences Events More

May 2019 - 31 days

TWEET HIGHLIGHTS

**Top Tweet** earned 6,598 impressions

Al-fatihah

Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibnu Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al Muadzam Shah  
pic.twitter.com/GeWTJNSI2x

**Top media Tweet** earned 7,354 impressions

Simbolik perasmian Pembukaan Jajaran Seksyen 8 Dari Persimpangan Hutan Melintang ke Persimpangan Teluk Intan di Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE) yg disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kerja Raya Tuan @HJAnuarTahir @LLMrasmi @LLMinfotrafik @JKRMalaysia @CIDBMALAYSIA1 pic.twitter.com/7KmNn04zvO

MAY 2019 SUMMARY

|                |       |                   |      |
|----------------|-------|-------------------|------|
| Tweets         | 123   | Tweet impressions | 275K |
| Profile visits | 4,680 | Mentions          | 947  |
| New followers  | 285   |                   |      |

**Analytics** Home Tweets Audiences Events More

Jun 2019 - 30 days

TWEET HIGHLIGHTS

**Top Tweet** earned 7,447 impressions

Nombor Telefon Kecemasan Bagi Jalan Persekutuan Di Bawah Senggaraan Syarikat Konseksi

Sumber : JKR Malaysia #InfoJalanJKR  
pic.twitter.com/N67F8zzzqN

**Top mention** earned 799 engagements

L'raya Grand Saga @GranoSagaTrafik Jun 20

KINI BERLANGSUNG LATIHAN SIMULASI KEMALANGAN DI LEBUHRAYA CHERAS-KAJANG DI KM19.5 - KM20.5 (SUSUR KELUAR STESEN MINYAK PETRON) ARAH KAJANG @MOWorks @norehamohd @RakanKKR @LLMrasmi @LLMinfotrafik pic.twitter.com/VLUUcdvk7g

JUN 2019 SUMMARY

|                |       |                   |      |
|----------------|-------|-------------------|------|
| Tweets         | 126   | Tweet impressions | 248K |
| Profile visits | 3,773 | Mentions          | 864  |
| New followers  | 377   |                   |      |

Tweets  
**126**  
Profile visits  
**3,773**  
New followers  
**377**

Tweet impressions  
**248K**  
Mentions  
**864**

**Analytics** Home Tweets Audiences Events More

Jul 2019 - 31 days

TWEET HIGHLIGHTS

**Top Tweet** earned 21.5K impressions

Baru Bian: Govt has received Maju's official PLUS takeover proposal

Link : theedgemarkets.com/article/baru-b...

@baru\_bian @HJAnuarTahir @LLMrasmi @LLMinfotrafik @JKRMalaysia @CIDBMALAYSIA @CIDB\_Malaysia @KsuMoworks @LLMKP @Asricidb @kpkjr pic.twitter.com/yBGEdN4UmN

**Top media Tweet** earned 19.9K impressions

Tun Dr Mahathir Mohamad said that the Cabinet had yet to make a final decision on acquiring stakes in the four highways - Star 10/7/2019 @chedetofficial @baru\_bian @HJAnuarTahir @KsuMoworks @LLMKP @LLMrasmi @LDPtrafik @SPRINTtrafik @kesastrafik @Smartunnel @norehamohd pic.twitter.com/rM8QlqIBa

**Takeover in limbo**  
PM Cabinet has yet to decide on buyout of highways

JUL 2019 SUMMARY

|                |       |                   |      |
|----------------|-------|-------------------|------|
| Tweets         | 133   | Tweet impressions | 329K |
| Profile visits | 3,680 | Mentions          | 895  |
| New followers  | 332   |                   |      |

Tweets  
**133**  
Profile visits  
**3,680**  
New followers  
**332**

Tweet impressions  
**329K**  
Mentions  
**895**

**Analytics** Home Tweets Audiences Events More

Aug 2019 - 19 days so far

TWEET HIGHLIGHTS

**Top Tweet** earned 5,313 impressions

YBng Dato Dr @KsuMoworks dan YBng Dato' Ir @Asricidb merasmikan ICW 2020 & Asean Super 8 Press Conference "Embracing Construction Revolution" di FWTC pagi tadi. @baru\_bian @HJAnuarTahir @LLMKP @kpkjr @JKRMalaysia @CIDBMALAYSIA @LLMrasmi @matrade pic.twitter.com/5Y4eulWwQ

**Top mention** earned 2,561 engagements

GMBK-KARAK-KTN-JABOR @LPTTrafik Aug 9

Salam Aidiladha. Rancang perjalanan baik kampung anda dengan mengikuti Jadual Cadangan Waktu Perjalanan (TTA) di KLC dan LPT 1 & sempena Hari Raya Aidiladha. Hati hati ketika memandu. #InfoLPT #LPTdihati @LLMrasmi @LLMinfotrafik @MOWorks pic.twitter.com/yqol2SRqfA

**Top media Tweet** earned 3,478 impressions

Kenyataan Media Penutupan Sementara Pusingan-U di KM40.4 Lebuhraya Shah Alam (Kesas)

@LLMrasmi @LLMinfotrafik @LLMKP @kesastrafik @JKRMalaysia @CIDBMALAYSIA @baru\_bian @HJAnuarTahir @KsuMoworks pic.twitter.com/2YyyakwF5

AUG 2019 SUMMARY

|                |       |                   |      |
|----------------|-------|-------------------|------|
| Tweets         | 99    | Tweet impressions | 168K |
| Profile visits | 1,509 | Mentions          | 435  |
| New followers  | 156   |                   |      |

Tweets  
**99**  
Profile visits  
**1,509**  
New followers  
**156**

Tweet impressions  
**168K**  
Mentions  
**435**

# KERATAN AKHBAR



## Tawar diskaun tol 33 peratus

23 konsesi lebuhraya beri potongan harga pada hari pertama sambutan Aidilfitri lima minggu depan

**Ikhtisar** Menteri Kerja Raya, Mohd Annuar Mohd Luthi, mengumumkan bahawa 23 konsesi lebuhraya akan ditawarkan diskaun tol 33 peratus pada hari pertama sambutan Aidilfitri, iaitu pada 10 hingga 12 Mei 2019. Beliau berkata, diskaun ini akan ditawarkan kepada pengguna bagi kenderaan jenis K1 (bermaksud dalam tempoh 24 jam bermula jam sepuluh malam hari) dan K2 (maksud dalam tempoh 12 jam bermula dari tengah hari) yang melintasi lebuhraya. Beliau berkata, diskaun ini akan ditawarkan kepada pengguna lebuhraya yang melintasi lebuhraya yang mempunyai konsesi lebuhraya. Beliau berkata, diskaun ini akan ditawarkan kepada pengguna lebuhraya yang melintasi lebuhraya yang mempunyai konsesi lebuhraya.



## Kementerian Kerja Raya digitalisasi industri pembinaan

Usaha tingkatkan produktiviti menerusi teknologi

Uji coba akan dijalankan kepada pembina-binaan, reka bentuk, projek dan projek, namun tidak melibatkan data, maklumat projek, sistem, hubungan perhubungan dan agensi. Beliau berkata, diskaun ini akan ditawarkan kepada pengguna lebuhraya yang melintasi lebuhraya yang mempunyai konsesi lebuhraya.

## Selepas kerajaan ambil alih empat konsesi lebuhraya, laksana caj kesesakan

Pengguna jimat hampir RM2 bilion

Keuntungan, Perolehan dan Pembangunan (EPIC) 2019 di Kuala Lumpur, semalam. Beliau berkata, diskaun ini akan ditawarkan kepada pengguna lebuhraya yang melintasi lebuhraya yang mempunyai konsesi lebuhraya.

## ICW 2020 disasar jana dagangan RM2 bilion

Bertaraf dunia jadi hofis 400 pempam dan 500 penyertaan

Keuntungan, Perolehan dan Pembangunan (EPIC) 2019 di Kuala Lumpur, semalam. Beliau berkata, diskaun ini akan ditawarkan kepada pengguna lebuhraya yang melintasi lebuhraya yang mempunyai konsesi lebuhraya.

## CITP tangani isu industri pembinaan

Beberapa perubahan telah dicapai melalui Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016-2020 dalam menangani isu-isu di hadapan industri pembinaan tempatan. Beliau berkata, diskaun ini akan ditawarkan kepada pengguna lebuhraya yang melintasi lebuhraya yang mempunyai konsesi lebuhraya.

## Teknologi memodenkan lebuhraya

Menteri Kerja Raya Mohd Annuar Mohd Luthi berkata, teknologi akan memodenkan lebuhraya. Beliau berkata, diskaun ini akan ditawarkan kepada pengguna lebuhraya yang melintasi lebuhraya yang mempunyai konsesi lebuhraya.

## Dana tambahan RM240 juta baiki jalan Persekutuan

Menteri Kerja Raya Mohd Annuar Mohd Luthi mengumumkan bahawa dana tambahan RM240 juta akan digunakan untuk memperbaiki jalan Persekutuan. Beliau berkata, diskaun ini akan ditawarkan kepada pengguna lebuhraya yang melintasi lebuhraya yang mempunyai konsesi lebuhraya.

## Seksyen 8 Lebuhraya WCE dibuka

Tiada tol dikenakan buat masa ini di laluan sepanjang 19.1 km itu. Beliau berkata, diskaun ini akan ditawarkan kepada pengguna lebuhraya yang melintasi lebuhraya yang mempunyai konsesi lebuhraya.

## PLUS wins Asia Pacific Risk Award

PLUS Malaysia Berhad (PLUS) telah memenangi Risk Award di Asia Pacific Strategic Risk Management Programme during the Risk Forum 2019. Beliau berkata, diskaun ini akan ditawarkan kepada pengguna lebuhraya yang melintasi lebuhraya yang mempunyai konsesi lebuhraya.

## Inovasi, teknologi digital atasi permintaan rumah mampu milik

KUALA LANGAT - Inovasi teknologi digital akan mengatasi permintaan rumah mampu milik. Beliau berkata, diskaun ini akan ditawarkan kepada pengguna lebuhraya yang melintasi lebuhraya yang mempunyai konsesi lebuhraya.

## ICW 2020 disasar jana dagangan RM2 bilion

Bertaraf dunia jadi hofis 400 pempam dan 500 penyertaan. Beliau berkata, diskaun ini akan ditawarkan kepada pengguna lebuhraya yang melintasi lebuhraya yang mempunyai konsesi lebuhraya.

## ICW 2020 disasar jana dagangan RM2 bilion

Bertaraf dunia jadi hofis 400 pempam dan 500 penyertaan. Beliau berkata, diskaun ini akan ditawarkan kepada pengguna lebuhraya yang melintasi lebuhraya yang mempunyai konsesi lebuhraya.

**Penaung**

YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin B. Syed Ikhsan  
Ketua Setiausaha KKR

**Penasihat**

YBhg. Dato' Dr. Ong Gua Pak  
Timbalan Ketua Setiausaha  
(Pengurusan) KKR

**Ketua Pengarang**

Wan Ahmad Nizam Wan Abdul Latif  
Ketua Hal Ehwal Korporat

**Pengarang**

Fauzi Baharudin  
Nur Saila Kamaruddin Nor Zaman  
Nurfarahain Rozaman  
Nasharudin Zainal

**Jurufoto**

Mohd Faisal Bin Sahbudin  
Hidayatul Sa'adiyah Binti Saad  
Jurufoto Unit Komunikasi  
Korporat dan Unit Perpustakaan &  
Sumber Jabatan Kerja Raya

**Urusetia**

Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Kerja Raya